

17/05/2002

Lembaran baru dalam hubungan dua negara

FEBRUARI lalu, dalam kunjungan terakhirnya ke Amerika Syarikat ketika berlangsungnya Forum Ekonomi Dunia (WEF), semacam wujud usaha terancang untuk memperkecil kewibawaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ucapan Perdana Menteri bertajuk 'Peranan Islam Dalam Negara Maju' ketika sesi khas forum berkenaan hanya mendapat liputan beberapa baris dalam akhbar tempatan. Sebaliknya, Raja Abdullah dari Jordan yang berkongsi pentas yang sama, diberi liputan besar-besaran, begitu juga Perdana Menteri kerajaan sementara Afghanistan, Hamid Karzai, yang kebetulan melakukan lawatan rasmi pada waktu yang sama. Maka, timbullah desas-desus kononnya Dr Mahathir dinafikan temu janji di Rumah Putih, Presiden George W Bush tidak menyenangkannya dan pelbagai dakwaan lagi meskipun pertemuan kedua-dua pemimpin tidak pun dijadualkan dalam kunjungan singkat ketika itu.

Peristiwa bersejarah Selasa lalu harus mengubah segala tanggapan berkenaan. Menyusuli pertemuan pertama kedua-dua pemimpin ketika mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Shanghai, Oktober lalu, kunjungan hormat Dr Mahathir terhadap Bush di Oval Office tiga hari lalu, menyerlahkan keakraban dan persefahaman yang sedia terjalin. Hakikat bahawa Bush merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri, baik di atas kepemimpinan mahupun sokongan kuatnya dalam memerangi keganasan, menjanjikan hubungan lebih erat di antara pucuk pimpinan serta di antara kedua-dua negara pada masa depan. Limpahan kesan daripada persefahaman yang terbentuk, sebenarnya tidak terbatas. Pengiktirafan daripada sebuah negara kuasa besar seperti ini tentunya menelurkan pelbagai manfaat untuk turut dikecapi rakyat dalam jangka pendek atau jangka panjang.

Berlawanan dengan keadaan ketika kepemimpinan Presiden Ronald Reagan dan kemudian disusuli Presiden Bill Clinton, pentadbiran Bush menunjukkan bahawa ia berpandangan lebih positif terhadap Malaysia. Daripada sebuah negara yang dilihat kerdil serta kerap dikaitkan dengan pencabulan hak asasi manusia, Malaysia kini lebih diberi perhatian oleh Washington di samping disandarkan harapan besar. Hubungan lebih baik di antara negara adalah sesuatu yang harus amat dialu-alukan agar Malaysia tidak sewenang-wenangnya disalahertikan dan dipandang serong gara-gara perbuatan segelintir yang berkepentingan. Baik dalam soal memerangi keganasan dan menangani puncanya, merungkai konflik Asia Barat mahupun dalam urusan niaga mata wang, sekurang-kurangnya pendirian Kuala Lumpur -- sekalipun wujud percanggahan dan perbezaan pendapat dalam perkara tertentu -- kini lebih difahami.

Perkongsian ekonomi di antara Amerika dan Malaysia adalah antara kesan positif kunjungan Perdana Menteri kali ini. Mengambil kira hakikat usahawan dan tokoh korporat Amerika memang menyenangi iklim pelaburan di Malaysia selama ini di sebalik gambaran negatif yang kerap diberikan media asing, suasana perniagaan di antara kedua-dua negara hanya akan bertambah baik. Kemasukan pelabur dari Amerika ke negara ini boleh turut diyakini akan berganda, tambahan pula Malaysia adalah antara rakan dagang utama negara itu. Fakta yang menunjukkan pelaburan Amerika di Malaysia berkembang dengan konsisten selain kekal sebagai sumber terbesar pelaburan langsung asing (FDI) dengan nilai AS\$10.5 bilion (RM39.9 bilion) pada 2001, cukup dijadikan sandaran. Hakikat bahawa lebih 30 syarikat yang tersenarai dalam Fortune 500 kini beroperasi di Malaysia sekadar menjadi bukti lanjut.

Tidak syak lagi hubungan politik Malaysia-Amerika yang kini di landasan

lebih mantap, akan menjurus kepada kerjasama erat dalam pelbagai bidang untuk kepentingan bersama. Sikap pentadbiran Amerika yang sudah banyak berubah terhadap Malaysia tidak hanya berkisar kepada peningkatan imej pada kaca mata masyarakat antarabangsa, malah lebih penting lagi menonjolkan negara ini sebagai sebuah negara Islam moden, sederhana dan makmur di samping menjadi contoh penting kepada rantau Asia Tenggara dan dunia seluruhnya. Dari sudut mana pun ia dilihat, pengiktirafan Amerika terhadap Malaysia juga mencerminkan kecemerlangan kepemimpinan Dr Mahathir yang sewajarnya dibanggakan.

(END)